

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

SOALAN : 508 495

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Semenanjung Malaysia sedia untuk menerima dan menempatkan pendatang tanpa izin yang dikategorikan sebagai "refugees" yang masih berada di Sabah ke Semenanjung Malaysia dan jika tidak, kenapakah "refugees" ini tidak dikembalikan ke negara asal mereka.

JAWAPAN:

YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Isu kebanjiran pendatang asing merupakan satu isu keselamatan yang bukan sahaja menjadi ancaman kepada negeri Sabah malah di Semenanjung juga. Bilangan kehadiran pendatang asing yang masuk ke negara ini sebagai migran ekonomi atau pelarian yang berasal daripada negara bergolak untuk mencari perlindungan semakin membimbangkan.

Sehingga kini, kerajaan sedang menguruskan pelarian di Sabah dan di Semenanjung yang kedua-duanya merupakan isu-isu antarabangsa yang berbangkit dan perlu diselesaikan secara bilateral. Dengan demikian, usaha-usaha ke penempatan baru tidak menyelesaikan isu berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih berusaha secara serius bagi mengatasi isu-isu pelarian di Sabah.

Selain daripada itu, pihak kerajaan khususnya agensi penguatkuasaan di peringkat Negeri Sabah menjalankan operasi-operasi dan semakan di semua kawasan penempatan tanpa izin termasuk juga di kalangan pelarian. Individu-individu yang didapati tidak mempunyai apa-apa dokumen dihantar ke negara asal sepertimana amalan sebelum ini. Sejak tahun 1990 hingga kini, seramai 539,441 orang pendatang tanpa izin telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**
[PENAMPANG]
TARIKH :
SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan masalah denggi di daerah Penampang serius dan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah denggi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kes dan wabak denggi yang dilaporkan di daerah Penampang sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak 329 kes dan 30 lokaliti wabak.

Untuk tahun 2016, iaitu dari Januari hingga 30 April 2016, sejumlah 55 kes demam denggi telah dilaporkan di daerah Penampang, iaitu penurunan sebanyak 66.9% berbanding 166 kes untuk tempoh yang sama pada tahun 2015.

Manakala bagi kejadian wabak denggi, sebanyak 10 lokaliti dilaporkan di daerah Penampang dari Januari sehingga 30 April 2016, menunjukkan penurunan sebanyak 47.4% berbanding 19 lokaliti yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun 2015.

Susulan daripada peningkatan kes denggi di daerah Penampang Sabah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah merangka beberapa strategi untuk mengurangkan kes denggi iaitu seperti berikut:-

- i. Melaksanakan Operasi Mega Denggi daripada 1 Mac hingga 31 Mac 2015 dengan penglibatan pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan,

bagi mengatasi peningkatan kes denggi yang berlaku pada tahun 2015.

- ii. Melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi secara berterusan seperti aktiviti penghapusan tempat pembiakan *Aedes* (PTP), aktiviti larviciding dan semburan pengasapan apabila kes denggi dilaporkan. Pada tahun 2016, untuk daerah Penampang sebanyak 6,161 premis telah diperiksa, dan 6 kompaun dikeluarkan dengan nilai RM 3000. Di samping itu sebanyak 72 premis dilakukan aktiviti larviciding dan 3,303 premis dibuat semburan pengasapan.
- iii. Meningkatkan kolaborasi antara sektor PBT, Jabatan/Agensi Kerajaan/Bukan Kerajaan, Pertubuhan NGO, Pertubuhan Politik, Masyarakat Umum dan Pengurusan Tapak Pembinaan.
- iv. Memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan dengan menggunakan strategi komunikasi dan advokasi secara berterusan. Pasukan promosi kesihatan ini dikenali sebagai Pasukan GASAK (*Gempur Aedes Bersama Komuniti*).
- v. Mempertingkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti gotong royong dan program COMBI. Pada tahun 2016, sebanyak 3 aktiviti gotong royong telah dilaksanakan dan terdapat 10 pasukan COMBI yang aktif di daerah Penampang.